



Sebahagian peserta yang mengambil bahagian pada program Street Dakwah with Huffaz Empowerment Respected Society (HERO) di sekitar Masjid Jamek, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dakwah golongan gelandangan

Kelab Huffaz UPM sebar kebaikan guna pendekatan al-Quran kepada masyarakat

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kelab Huffaz Universiti Putra Malaysia (UPM) buat

julung kalinya mengadakan program *Street Dakwah with Huffaz Empowerment Respected Society (HERO)* yang bertujuan menyantuni gelandangan di sekitar Masjid Jamek, di sini, baru-baru ini.

Program itu disertai seramai 44 peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi termasuk UPM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Beberapa slot istimewa dengan komuniti juga dilaksanakan antaranya *Street Dakwah* yang mendedahkan peserta

mengenai kaedah bagi menyampaikan isu semasa dan masalah sosial kepada masyarakat sekeliling dengan menggunakan pendekatan berhemah.

Peserta program, Nur Hikmah Hanis, berkata pendekatan Kelab Huffaz UPM dalam memberi ilmu kepada gelandangan disifatkan sebagai langkah murni, bertepatan dan wajar diteruskan.

"Tidak dinafikan program ini menguji keberanian saya kerana perlu bergaul dan menyebarkan kebaikan kepada masyarakat sekeliling menggunakan pendekatan al-Quran.

"Penganjuran program *Street Dakwah* ini memberi manfaat

kepada kami ke arah membentuk huffaz profesional yang bukan sekadar menghafal al-Quran, malah menyampaikannya kepada orang lain serta menjadi ejen mengubah diri serta masyarakat sekeliling, sekali gus berusaha mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat," katanya kepada *BH Varsiti*.

Menerusi program dakwah itu, peserta turut berpeluang menemu ramah komuniti gelandangan terbabit dan menyampaikan beberapa potong ayat al-Quran untuk dihayati secara bersama.

Selain itu, terdapat juga slot istimewa diketuai *Youth of*

Strength and Happiness (YOSH) yang berkongsi pengalaman dan memberikan contoh untuk menyantuni gelandangan di kawasan berkenaan menggunakan konsep 'Kita Sapa, Kita Duduk, Kita Faham'.

Untuk rekod, Kelab Huffaz UPM dilancarkan pada 30 Mei tahun lalu oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof Dr M Iqbal Saripan.

Kelab berkenaan turut mengambil inisiatif untuk menghidupkan suasana menghafal al-Quran di universiti bagi melahirkan lebih ramai huffaz profesional yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.